



Rujukan : UKM PDF/224/3  
Tarikh : 13 Safar 1439H  
02 November 2017

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 11/2017**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN KATEGORI GAJI TAMBAHAN BAGI LANTIKAN SEMULA PROFESOR  
SELEPAS BERSARA SECARA KONTRAK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa sesuai dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 9/2017 pada 13 September 2017, pihak Universiti telah bersetuju untuk mengekalkan Skim Lantikan Semula Profesor Selepas Bersara secara kontrak JUSA C sedia ada dengan tambahan kategori gaji asas bagi **Kategori IV** seperti berikut:

- i. Kategori I : Gaji maksimum JUSA C  
\*(RM20,592.00 + elaun)
- ii. Kategori II : Gaji pertengahan di antara maksimum dan minimum JUSA C  
\*(RM14,134.00 + elaun)
- iii. Kategori III : Gaji minimum JUSA C  
\*(RM7,676.00 + elaun)

\*Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) yang ditetapkan bagi Gred Gaji VK7.

- iv. **Kategori IV** : Gaji puka  
**(RM5,000.00)**

2. Pelaksanaan skim di atas adalah mengikut Garis Panduan Pembaharuan Perkhidmatan/ Pelantikan Semula Selepas Bersara (LPU Bil.4/2017 bertarikh 13 April 2017).



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 / 5015 / 3871 Faksimili: +603-8925 2882 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

3. Untuk maklumat dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2017**. Sehubungan itu, sukacita YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, dapat menghebahkan kepada semua staf akademik di bawah pengawasan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.


4. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Zoraini Ibrahim di talian 03-8921 5011 / e-mel : zoraini@ukm.edu.my atau Puan Sarah Saffar di talian 03-8921 5147 / e-mel :sarah\_s@ukm.edu.my, Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan, dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Salam hormat,



**ABD RAZAK HUSSIN**

Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k. - Naib Canselor  
- Timb. Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa)  
- Timb. Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi)  
- Timb. Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni)  
- Timb. Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 / 5015 / 3871 Faksimili: +603-8925 2882 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>